



Siaran Akhbar

DASAR AUTORITI MONETARI BRUNEI DARUSSALAM

BERKAITAN DENGAN MATA WANG KRIPTO

1. Autoriti Monetari Negara Brunei Darussalam (AMBD) sebelum ini telah mengeluarkan siaran akhbar mengenai mata wang kripto pada 4 Rabiulakhir 1439H bersamaan dengan 22 Disember 2017M.
2. AMBD ingin mengingatkan orang ramai bahawa walaupun mata wang kripto tidak sah diperlakukan di Negara Brunei Darussalam dan tidak dikawal selia oleh AMBD, aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan penggunaannya berkemungkinan merupakan aktiviti-aktiviti yang dikawal selia di bawah undang-undang AMBD. Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada, menyediakan perkhidmatan kewangan kepada orang awam dalam bentuk pengambilan deposit, peluasan pinjaman, penghantaran dana keluar negeri, perkhidmatan pertukaran asing, dan penerbitan sekuriti.
3. Individu atau syarikat yang berhasrat untuk menjalankan aktiviti komersial yang berkaitan dengan mata wang kripto adalah dinasihatkan untuk mendapatkan nasihat guaman bagi memastikan sama ada aktiviti tersebut termasuk dalam perundangan di bawah bidang kuasa AMBD.
4. AMBD ingin menekankan bahawa orang awam perlu berhati-hati apabila berurusan dengan mata wang kripto dan memahami risiko yang berkaitan dengannya jua. AMBD mempunyai peranan utama di dalam melindungi kepentingan dan integriti sistem kewangan Negara Brunei Darussalam.
5. AMBD juga akan terus memantau perkembangan isu mata wang kripto dengan mengimbangi keperluan diantara pembangunan inovasi dalam bidang ini dengan perlindungan orang ramai.
6. Bagi sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, orang ramai bolehlah menghubungi AMBD melalui talian 2388388; emel info@ambd.gov.bn; AMBD App, yang boleh dimuat turun melalui 'App Store' dan 'Google Playstore'; melayari laman sesawang AMBD di <http://www.ambd.gov.bn>; atau dengan mengikuti AMBD di Instagram, melalui @autoriti_monetari.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Date: 8 Sya'aban 1439H/ 24 April 2018M

Ref: AMBD/COMMS/3